



(29 Mac 2021) Sinar Harian, p. 12

Empat lagi kematian akibat Covid-19

Sebanyak 169 kes sedang dirawat di ICU dengan 76 individu guna alat bantuan pernafasan

KUALA LUMPUR

Malaysia terus menunjukkan perkembangan positif dalam usaha mengawal jangkitan Covid-19 apabila kes baharu harian wabak itu kekal berada di bawah angka 2,000 dengan 1,302 kes selain empat kematian dilaporkan pada Ahad.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh 24 jam itu juga, sebanyak 1,127 kes sembuh direkodkan menjadikan jumlah kes pulih kini ialah 326,309 kes, manakala kes aktif pula adalah sebanyak 14,380 kes.

“Daripada jumlah kes ba-

haru hari ini (Ahad), sebanyak 1,293 adalah penularan tempatan dan sembilan kes import, selain 169 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 76 individu menggunakan alat bantuan pernafasan,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 pada Ahad.

Sarawak mencatat kes harian tertinggi dengan 426 kes diikuti Selangor (256), Pulau Pinang (212), Johor (176), Kua-



DR NOOR HISHAM

la Lumpur (58), Sabah (38), Kelantan (34), Pahang (32), Kedah dan Perak masing-masing 23, Negeri Sembilan (sembilan), Labuan (enam), Melaka (lima), Terengganu dan Putrajaya masing-masing dua, manakala tiada kes dilapor di Perlis pada Ahad.

Dr Noor Hisham memaklumkan kesemua kematian yang dilapor pada Ahad membabitkan warganegara berusia lingkungan 63 hingga 77 tahun

dengan masing-masing mempunyai latar belakang penyakit kronik.



Selain itu, beliau berkata, terdapat tiga lagi kluster dikesan pada Ahad masing-masing melibatkan kluster di tempat kerja (Kluster Ladang Sungai Pelek, Selangor), kluster pusat tahanan (Kluster Pagar Bukit Chagar, Johor) dan kluster komuniti iaitu Kluster Patek di Kelantan.

“Pertambahan kluster baharu menjadikan jumlah kluster di Malaysia sebanyak 1,347 dengan 381 daripadanya masih aktif, manakala 14 kluster diisytiharkan tamat hari ini (Ahad),” katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 28 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	341,944	PULIH: 326,309	ICU: 169	KEMATIAN: 1,255	KES BAHARU +1,302	SUDAH DIVAKSIN 566,200
---------------------	---------	----------------	----------	-----------------	-------------------	------------------------

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 340,642 kes kepada 341,944 kes

